

Boleh menyebabkan peperangan besar

Dr M kecajut tindakan Vietnam

DHAKA, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyuarakan kecaman keras Malaysia terhadap pencerobohan Vietnam ke atas wilayah Thailand.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bimbang tindakan Vietnam itu akan berlanjutan seperti yang berlaku pada masa-masa lalu, sekiranya tentera Vietnam meneruskan penaklukan haramnya di Kampuchea.

"Seperti yang telah kita tegaskan beberapa kali, tindakan-tindakan tentera Vietnam di sepanjang sem-

padan Thai-Kampuchea boleh menyebabkan peperangan besar di rantau ini dengan disertai oleh kuasa-kuasa besar," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengutuk Vietnam kerana serangannya ke atas tentera Republik Demokratik Kampuchea dan rakyat Khmer yang tidak berdos.

Penting

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap di majlis jamuan rasmi yang diberikan kepadanya oleh Presiden Majelis Menteri-Menteri Bangladesh, Lt. Jen. H.M. Ershad di sini, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir mengesa masyarakat antarabangsa supaya menentang Vietnam menghianati serta-merta kega-

nasannya di sepanjang sempadan dan mengundurkan tenteranya dari Kampuchea.

Beliau berkata, Malaysia seperti juga Bangladesh, mempunyai tugas penting untuk mempraktikkan kerjasama serantau yang digagas oleh Asnan.

"Tetapi, Asnan dan negara-negara di rantau ini hanya boleh memberi tumpuan kepada usaha-usaha pembangunan sosial dan ekonomi jika keadaan keamanan dan kestabilan dikembalikan secepat mungkin di Asia Tenggara," katanya.

Beliau menegaskan, disebabkan itulah maka Malaysia dan rakan-rakannya di dalam Asnan mahu mewujudkan zon aman, bebas dan berkecuali; bebas dari sebarang campur tangan asing di Asia Tenggara.

Menurutnya, masalah Kampuchea adalah ancaman berat kepada keamanan dan kestabilan di rantau ini dan adalah halangan kepada kewujudan zon aman, bebas dan berkecuali.


"Kita tidak boleh dan tidak akan menerima pencerobohan tentera asing di Kampuchea atau di mana-mana sebagai cara menyelesaikan pertelingkahan," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia percaya Kerjasama Demokratik Kampuchea di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk layak mendapat sokongan penuh antarabangsa dalam usahanya membebaskan dan memerdekan Kampuchea.

Mengutuk

Beliau juga mengemukakan pencerobohan tentera asing di Afghanistan dan sokongan penuh kerajaan kepada resolusi-resolusi Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC), Penggerakan Negara Berkecuali dan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pengembalian kemerdekaan dan kedaulatan Afghanistan.

Mengenai Asia Barat, Perdana Menteri mengutuk keganasan Israel terhadap orang-orang Arab dan menyatakan keyakinan Malaysia bahawa keamanan hanya boleh dicapai di rantau itu berdasarkan pemulangan hak-hak rakyat Palestin termasuk hak mereka menubuhkan negara mereka sendiri yang merdeka.



DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad sedang menyatakan sesuatu kepada Timbalannya, Datuk Musa Hitam di Lapangan Terbang TUDM, Kuala Lumpur pagi semalam, sebelum Perdana Menteri berlepas ke Bangladesh untuk lawatan rasmi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

19 APR 1983

Israel: Seruan pada AS

● Dari Muka 1

ka di bawah pimpinan wakil mereka yang sah, Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO).

Datuk Seri Dr Mahathir menggesa Amerika Syarikat; pembekal senjata dan bantuan ekonomi kepada Israel, mengenakan tekanan kepada Israel supaya berundur dari Lebanon.

Beliau juga menyatakan rasa dukacita Malaysia terhadap konflik berterusan antara Iran dan Iraq dan menyampaikan sokongan kerajaan terhadap usaha-usaha damai yang dijalankan oleh OIC bagi kepentingan Islam dan kestabilan serta kemajuan umat Islam.

Mengenai hubungan Malaysia-Bangladesh, Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara telah lama menikmati hubungan yang rapat dan erat sejak hubungan diplomatik diadakan pada April 1972.

"Hubungan ini telah dieratkan lagi oleh persamaan komitmen kita terhadap ideal dan aspirasi Bangsa-Bangsa Bersatu, OIC, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dan Pertubuhan Komanwel yang kita

sama-sama anggotai," katanya.

Beliau berkata, adalah menjadi hasrat kerajaan Malaysia bukan sahaja untuk mengekalkan hubungan erat antara kedua negara, tetapi juga terus bekerja ke arah mengukuhkan lagi hubungan itu.

Wakil kita, Aziz Hassan, yang mengikuti rombongan Perdana Menteri melaporkan, ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongannya disambut secara tradisional Bangladesh setibanya mereka di sini untuk memulakan lawatan rasmi empat hari.

Disambut

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah disambut oleh Lt. Jen. Ershad yang juga Ketua Pentadbir Pemerintahan Tentera dan isterinya, Puan Begum Raushan Ershad.

Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir adalah yang pertama oleh ketua kerajaan Malaysia selepas lawatan rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Perutusan Agung dalam tahun 1974.

Tembakan meriam 19 das dilepaskan sebaik sa-

haja Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah turun dari pesawat khas. Selepas menerima tabik hormat dari barisan penghormatan ketiga-tiga cawangan tentera, Datuk Seri Dr Mahathir dan Lt. Jen. Ershad memeriksa kawalan kehormatan.

Beliau kemudian menemui para duta asing, Duta Malaysia di Bangladesh, Encik Mohamed Haron dan pegawai-pegawai kedutaan serta pelajar-pelajar Malaysia.

Seramai 258 pelajar sekolah rendah dan menengah beratur di kiri kanan permaidani merah sambil mengibarkan bendera warna-warni dan mengucapkan "Selamat datang" kepada Perdana Menteri.

Petang ini, Perdana Menteri dan rombongannya berangkat dengan helikopter ke Savar, di luar Dhaka, untuk meletakkan kalungan bunga di tugu pahlawan.

Sekembalinya ke bandar ini, Datuk Seri Dr Mahathir menerima kunjungan Menteri Luar Bangladesh, Encik A.R.S. Doha, diikuti oleh pertemuan singkat dengan Lt. Jen. Ershad di rumah tetamu, Bangabhaban.